

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10 Mac 2009

SOALAN

YB Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah subsidi sebulan yang diberikan untuk membantu keluarga kurang mampu dan orang kurang upaya (OKU) di Sabah jika dibandingkan di Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan kepada golongan yang memerlukan termasuklah keluarga kurang mampu dan Orang Kurang Upaya (OKU). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua jenis bantuan kebajikan yang sedang berkuatkuasa iaitu Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan yang dibiayai dari peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan Skim Bantuan Am yang peruntukan kewangannya dari Kerajaan Negeri. Keadaan ini sama seperti di Negeri-negeri lain di Semenanjung dan juga di Sarawak. Kadar dan syarat Skim Bantuan Am ini adalah berbeza mengikut negeri. Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan telah diperluaskan ke Negeri Sabah mulai 1 Januari 2009 dan melalui peluasan Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan ini, Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Orang Tua, Bantuan Anak Pelihara dan Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan di Negeri Sabah. Ini merupakan tambahan kepada dua Skim Bantuan Persekutuan yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2008 iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar. Kadar bantuan kebajikan bagi OKU yang berkuatkuasa pada masa ini adalah seperti berikut: a. Elaun Pekerja Cacat – RM 300 seorang sebulan; b. Bantuan OKU Tidak Mampu Bekerja – RM 150 seorang sebulan; dan c. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik – RM 300 sebulan. Bagi golongan yang memerlukan bantuan tetapi tidak memenuhi syarat yang ditetapkan untuk mendapat Bantuan Kebajikan Persekutuan, mereka ini akan dipertimbangkan pemberian Bantuan Am.

